

SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

SA Bil 2013/11/107 (HQ)

PENSIJILAN BSI PAS 55-1:2008 KETIGA BUAT TNB, PERTAMA UNTUK BAHAGIAN PEMBAHAGIAN DI ASIA TENGGARA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menerima satu lagi sijil *British Standard Institution Publicly Available Specification for Asset Management* (BSI PAS 55-1:2008), kali ini menerusi Bahagian Pembahagian TNB Melaka.

Sijil ketiga ini, satu pengiktirafan antarabangsa berkaitan rangka kerja pelbagai industri untuk sistem pengurusan aset diterima daripada *Asset Management Consulting Limited* (AMCL). Ianya juga merupakan pensijilan PAS 55-1:2008 yang pertama untuk bisnes unit Bahagian Pembahagian utiliti elektrik di Asia Tenggara.

Dua lagi sijil BSI PAS 55-1:2008 diterima sebelum ini adalah oleh TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (sebuah anak syarikat milik penuh TNB) daripada *PricewaterhouseCoopers The Asset Partnership*, pada 5 Julai 2013 dan oleh Bahagian Penghantaran TNB daripada *Lloyd's Register Verification Limited* pada 30 Jun 2013.

Sijil BSI PAS 55-1:2008 telah diterima Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Y. Bhg. Datuk Seri Ir. Azman Mohd daripada Pengerusi Institut Pengurusan Aset (IAM) United Kingdom, David McKeown di Majlis Asia Pacific Regional Conference and Exhibition di Bali, Indonesia pada 12 November yang lalu.

Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ir. Idris Haron hari ini menyerahkan sijil tersebut kepada Bahagian Pembahagian TNB Melaka dengan disaksikan oleh Datuk Seri Ir. Azman di Perhimpunan Mega 2013 di Melaka.

Ir. Azman dalam ucapannya berkata PAS 55-1:2008 dapat memastikan aktiviti dan amalan yang sistematik dan terancang bagi menguruskan aset secara optima yang merangkumi prestasi, risiko dan perbelanjaan sepanjang kitaran jangka hayat bagi tujuan mencapai pelan strategik organisasi.

Beliau yang juga Pengerusi IAM Cawangan Malaysia berkata, kaedah pengurusan PAS 55-1 : 2008 ini adalah pilihan terbaik bagi pematuhan penguatkuasaan yang disarankan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Majlis pengharaan warga kerja dan pesara TNB Melaka juga turut diadakan bagi menghargai jasa khidmat yang disumbangkan kepada syarikat itu.

Dikeluarkan di Melaka pada 19 November 2013

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-2662296)
dan Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602) dan Camilla Lee Mei Mei (013-6185188)*